

No. 79*(Tajuk am)**Re (a)*.....**BORANG AM****BUKTI HUTANG (k. 167)**

Saya *(b)*..... anak kepada.....
 berumur..... yang tinggal di.....
 mengaku dan menyatakan:

(c) Bahawa saya adalah dalam perkhidmatan pemiutang yang tersebut di bawah ini, dan bahawa saya adalah diberi kuasa dengan sepenuhnya oleh..... untuk membuat affidavit ini, dan bahawa adalah dalam pengetahuan saya sendiri bahawa hutang yang dinyatakan dengan sumpah di bawah ini telah dilakukan, dan bagi balasan yang dinyatakan itu, dan bahawa hutang itu, sepanjang yang saya ketahui dan percayai, masih belum lagi dibayar dan dijelaskan.

(d) Bahawa saya adalah diberi kuasa dengan sepenuhnya, di bawah meterai syarikat yang tersebut di bawah ini, untuk membuat bukti hutang bagi pihaknya.

1. Bahawa..... yang tersebut telah, pada tarikh perintah kebangkrapan, iaitu pada..... hari bulan....., 20....., dan adalah masih lagi dengan sungguh dan sebenarnya berhutang kepada *(e)*..... sebanyak..... kerana *(f)*..... sebagaimana yang ditunjukkan oleh akaun yang dicatatkan dalam ini, atau oleh akaun yang berikut, iaitu:

dan bagi wang itu atau apa-apa bahagian daripadanya saya menyatakan bahawa saya tidak ada dan tidak juga *(g)*..... atau mana-mana orang dengan perintah *(h)*..... pada pengetahuan dan kepercayaan saya untuk kegunaan *(h)*..... tidak ada mendapat atau menerima apa-apa jua cara penyelesaian atau cagaran, kecuali dan melainkan yang berikut *(i)*.....

Tarikh	Penyuruh bayar	Penerima	Jumlah		Tarikh luput

Untuk pemiutang bercagar, sila nyatakan butiran cagaran kamu, tarikh diberikan dan nilaiannya.

Diikrar di..... Pada..... hari bulan..... 20 Di hadapan saya	} }	 (g) Tandatangan deponen
--	----------------	----------------------------------

Bukti itu tidak boleh diterima untuk undi dalam mesyuarat pertama melainkan jika ia telah disempurnakan dengan betul dan diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi sebelum masa yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat itu.

Diterima undi sebanyak RM..... pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

Diterima untuk peringkat bagi dividen sebanyak RM..... pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Ketua Pengarah Insolvensi

KAMU HENDAKLAH MEMBERIKAN PERHATIAN DENGAN TELITI ARAHAN INI

- (a) Di sini masukkan nama dan nombor kad pengenalan penghutang, sebagaimana diberi dalam notis mesyuarat.
- (b) Masukkan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan pekerjaan deponen.
 Jika bukti dibuat oleh pemiutang, potong fasal (c) dan (d).
 Jika dibuat oleh kerani, potong (d).
 Jika oleh ejen syarikat potong (c).

- (e) Masukkan saya dan kepada C.D. dan E.F., pekongsi bersama saya dalam perniagaan jika ada, atau, jika oleh kerani masukkan nama, alamat dan perihal prinsipal.

AMBIL PERHATIAN

- (f) Nyatakan balasan (sila nyatakan jenis hutang [seperti – barang-barang yang telah dijual dan diserahkan oleh saya (dan oleh pekongsi saya) kepadanya (atau mereka) atas permintaannya (atau mereka) di antara tarikh itu (atau wang yang didahulukan oleh saya bagi bil pertukaran yang tersebut di bawah ini) (atau mengikut mana-mana yang berkenaan)]. Lihat di belakang.
- (g) Pekongsi saya yang tersebut atau mana-mana daripada mereka atau pemiutang yang tersebut namanya di atas (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- (h) Saya atau kami atau mereka atau dia (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- (i) Di sini nyatakan butiran segala cagaran yang dipegang dan sekiranya cagaran itu adalah atas harta penghutang, tafsir nilai harta itu, dan sekiranya apa-apa bil atau cagaran lain yang boleh diniagakan dipegang, nyatakan dalam jadual itu.

*Sila lampirkan dokumen sokongan, yang berkaitan.

BUTIRAN AKAUN YANG DIRUJUK DI MUKA SEBELAH (Kredit hendaklah diberi bagi akaun kontra)

Jika ruang tidak cukup lampirkanlah butiran itu, tetapi jika butiran itu dibuat atas lembaran kertas yang berasingan maka yang demikian mestilah ditandai oleh orang yang di hadapannya affidavit itu telah diangkat sumpah.

Tarikh	Balasan	Jumlah	Catatan

Baucer (sekiranya ada), yang mana akaunnya boleh dibuktikan, hendaklah dinyatakan di sini.